

ALAM WANITA

Pimpinan Lelaki Tidak Mengurangkan Darjat Perempuan

Maksud kaum lelaki memimpin kaum perempuan, ialah mengetuai kaum perempuan yang lemah ini. Mengetuai itu, ertinya memimpin dengan kehendak dan ikhtiar yang baik, dan orang yang dipimpin itu tidak pula dihilangkan hak-haknya. Sebab erti seseorang memimpin orang lain, ialah diturutinya dan diperhatikan pekerjaan orang yang dipimpinnya itu serta memberikan pendidikan yang mustahak dan yang sesuai baginya.

Misalnya kaum perempuan diserahkan kepadanya pekerjaan mengurus rumah tangga sebagaimana yang pandangnya baik. Oleh itu perempuan tidak akan meninggalkan rumahnya walaupun kerana hendak pergi berziarah kepada kaum kerabatnya sendiri kalau bukan pada waktu yang diizinkan oleh suaminya.

Demikian juga tentang nafkah rumah tangga, kaum lelaki sayugialah mengira beberapa yang patut bagi perempuan dalam sebulan yang akan dibelanjakan hari-hari. Kalau sudah diserahkan, maka tanggungan perempuan pula membelanjakan nafkah itu menurut cara yang baik dalam timbangannya yang sesuai dengan keadaannya dan diredhai pula oleh suaminya. Dengan bandingan ini, nyatalah bahawa pimpinan lelaki kepada kaum perempuan tidak mengurangkan hak-hak

mereka dan tidak menurunkan darjat mereka, kerana masing-masing mempunyai kewajipan.

Kalau pula ada yang mengatakan: Sebaik-baiknya hendaklah masing-masing mengerjakan pekerjaan sendiri dengan tidak payah memakai ketua, supaya manusia itu sekaliannya satu darjat sahaja. Bagi menjawabnya sayugialah diingat, bahawa menurut yang sudah berlaku dalam sejarah, manusia itu tidak dapat berdiri sendiri dengan baik apakala mereka itu tidak mempunyai ketua yang memimpin mereka. Tiap-tiap rumah tangga pun tentulah demikian juga. Suatu keluarga akan kelihatan maju mundurnya, dengan baik dan buruknya pimpinan ketua keluarga itu.

Di dalam kitab suci *al-Qur'an al-Karim* dan *al-Hadith al-Sharif*, urusan memimpin rumah tangga dan keluarga telah dijelaskan dengan nyata-nyatanya.

Elok juga disebut di sini tentang tugas pimpinan kaum lelaki kepada kaum perempuan itu. Sebagaimana kaum lelaki itu menjadi ketua rumah tangga demikian juga hak itu dalam perkahwinan. Kaum lelakilah yang memegang hak menikahkan (wali nikah), bukan kaum perempuan yang memegang hak tersebut. Kaum lelakilah yang

(bersambung ke muka 29)

tatkala memberi kata dua kepada Sukarno supaya memberikan Jemaah Menteri Juanda yang didirikannya itu diganti oleh orang-orang yang dipercayai rakyat tetapi dibenci oleh komunis iaitu bekas wakil Presiden Muhammad Hatta dan Sultan Hamengkubuwono.

Kata dua tidak diterima – maka tatkala menulis ini telah diisytiharkan bahawa Mr Syafruddin Prawiranegara dijadikan Perdana Menteri untuk membebaskan Indonesia dari cengkaman Sukarno yang berpusat di Sumatera Tengah.

Mr Syafruddin dalam masa Sukarno ditangkap Belanda di Bangka adalah menjadi Perdana Menteri Indonesia yang memperjuangkan terus kemerdekaan Indonesia – bergerak di Sumatera sehingga terikatnya perjanjian meja bulat di dalam mana kemerdekaan Indonesia diberi – yang berakhir dengan suatu istiadat penyerahan kedaulatan pada 29 Disember 1949 di Jakarta dengan Indonesia diwakili oleh Sultan Hamengkubuwono.

Adakah terjadi peperangan saudara di Indonesia?



Kiyai Abdullah al-Shafi'i sedang berpidato di Masjid

Wak Tanjung.

Jawabnya terpulang kepada Sukarno. Jika Sukarno menyerah - ertinya beralah – menaikkan Hatta menjadi Perdana Menteri ertinya peperangan saudara akan terhindar tetapi kesan yang bakal diterimanya harus orang-orang komunis akan membongkar rahsia Sukarno di bilik 8 di Moscow dahulu.

Apa ertinya jika Hatta berkuasa? Jawabnya: Komunis akan diharamkan di Indonesia.

Di mana kedudukan Sukarno sekarang? Adakah ia akan mempertahankan peribadinya dengan mengorbankan rakyat menumpahkan darahnya sesama mereka? Adakah Sukarno beralah dan mengasingkan diri dari masyarakat Indonesia kalau cerita itu disiarkan oleh komunis? Ini juga suatu soal yang akan datang jawapannya!

Jadi soal yang dihadapi Sukarno sekarang ialah batu ujian yang besar: Adakah ia hidup kerana rakyat atau kerana diri sendiri! Hal ini akan terjawab dalam masa yang tidak berapa lama lagi.

-bersambung

-sambungan dari muka 19-

mengikatnya dan merekalah juga yang merombaknya. Tetapi hak kaum perempuan pun ada pula. Kaum perempuan dikahwinkan mestilah dengan keredhaan mereka.

Dalam hal ini, yang pertama sekali dikemukakan oleh ahli-ahli tafsir ialah tentang menerangkan sifat *ri'āsah* (pengetuaan) kaum lelaki yang tiada diberikan kepada kaum perempuan, iaitu pangkat-pangkat Nabi, *khalīfah al-Muslimīn* (ketua negara), amir (ketua daerah yang terletak di bawah khalifah), mendirikan syiar-syiar agama, seperti: bang, qamat (iqamat), khutbah jumaat dan lain-lainnya. Tetapi bukanlah hal-hal itu yang menyebabkan kaum lelaki menjadi pemimpin bagi kaum perempuan.